

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

*Yang Mulia,*

*Awang Haji Ismail bin Haji Murat,*

*Pemangku Pengarah Penjara,*

*Pengerusi Majlis*

*Yang Berhormat,*

*Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;*

*Yang Mulia,*

*Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-*

*Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal*

*Dalam Negeri;*

*Yang Mulia,  
Mantan-mantan Pengarah Penjara,  
Ketua-Ketua jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan  
Kerajaan, Ketua-Ketua Kampung, Anggota-anggota  
Jabatan penjara beserta keluarga, Para Jemputan,  
Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah yang  
peramba/saya hormati dan kasihani sekalian.*

1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, hidayah serta izinNya jua kita dapat hadir beramai-ramai di **Upacara Perbarisan Sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Penjara ke 61** pada pagi ini.

Selawat dan Salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

2. Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Pemangku Pengarah Penjara dan juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Upacara Perbarisan pagi ini diatas ingatan baik menjemput saya hadir bagi bersama-sama meraikan hari

bersejarah dan bersukut baik ini. Dengan hati yang tulus ikhlas, rasa syukur dan bangga sukacita saya mengucapkan **'Tahniah dan Selamat Ulang Tahun Penjara ke 61 Tahun'** kepada Pengarah, pegawai-pegawai dan semua anggota Jabatan Penjara samada yang masih berkhidmat atau yang telah bersara dimana pun mereka berada ketika ini.

*Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian*

3. Keujudan 61 tahun perkhidmatan penjara di Negara Brunei Darussalam, menjadikan Jabatan Penjara kini sudah

diiktiraf sebagai cukup matang dan berpengalaman khususnya dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab utamanya, iaitu dalam pengurusan kepenjaraan dan pemulihan penghuni.

4. Pada hakikatnya perjalanan jauh yang telah dilalui dan bermakna ini telah memberikan pendedahan, pengalaman dan pengetahuan yang luas serta menyedarkan bahawa peranan dan tanggungjawab Jabatan Penjara sentiasa berubah corak dan bertambah kompleks. Jabatan Penjara kini bukan

hanya menahan pesalah perlakuan jenayah hukuman sivil, akan tetapi juga pelbagai kesalahan lain termasuklah kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

5. Semua perkembangan dan cabaran-cabaran baru ini memerlukan perubahan *mind set* dan juga perlaksanaan program-program khususnya program pemulihan dari yang rutin kepada yang lebih terancang, baik dari segi fizikal, psikologikal, sosial, pendidikan dan spiritual bagi mencapai salah satu matlamat Petunjuk

Perlaksanaan Utama atau *Key Performance Indicators (KPI)* Jabatan Penjara khususnya dalam usaha mengurangkan kadar *residivis*, iaitu penghuni berulang kali masuk penjara dan seterusnya membantu bekas penghuni memulakan kehidupan baru yang lebih baik dan berkesan selepas dibebaskan.

6. Menyedari tugas dan tanggungjawab yang kian bertambah kompleks dan mencabar itu, terutama dalam memenuhi protokol dan piawaian kepenjaraan yang digariskan oleh

masyarakat antarabangsa (*international community*) juga menghendaki semua peringkat pegawai dan anggota Jabatan Penjara untuk terus berusaha memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tertentu. Sentiasa peka atau sensitif terhadap tuntutan undang-undang dan peraturan-peraturan serta prosedur-prosedur kerja dengan sentiasa mengamalkan rukun akhlak dan etika kerja perkhidmatan awam sebagai pedoman kerja.



7. Jabatan Penjara sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menampakkan pelbagai perkembangan dan pencapaian yang ketara melalui pelaksanaan beberapa inisiatif penambahbaikan dan pembaharuan yang saya maklumi ianya adalah sejajar dengan tuntutan pelan dan nilai-nilai utama dalam Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memastikan perkhidmatan yang cemerlang yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang seimbang.

8. Jabatan Penjara dalam usaha terkininya mewujudkan program pra-bebas dan perkhidmatan seliaan atau pengawasan lanjutan (*aftercare*) bagi bekas-bekas penghuni yang telah dibebaskan sebagai program sokongan atau lanjutan daripada program pemulihan yang sedia ada (*in-care*) di dalam penjara yang insya Allah akan dapat membantu proses pengintegrasian semula bekas penghuni ke arah halatuju masa depan dan jati diri yang lebih berjaya, khususnya dalam bidang keusahawanan adalah merupakan satu inisatif yang baik.

9. Program-program usahasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Annur Harapan dan para sukarelawan termasuklah mengaplikasi program-program pemulihan baru yang lebih mengutamakan **Asas-Bukti** atau ***Evidence-Based*** dan **Amalan Terbaik** atau ***'Best Practice'***, contohnya seperti Kemahiran Penulisan Kreatif, Inkubator Latihan Vokasional, Kemahiran Asas Komputer, Pemeliharaan Hawa Dingin, Program Keusahawanan, Perkhidmatan

Kecantikan Kawasan dan Lanskap, Perusahaan Bakeri dan latihan-latihan kerja, termasuklah lain-lain aktiviti amal kebajikan dan keagamaan hendaklah terus ditingkatkan dan berkesinambungan.

10. Selain program Peningkatan Akademik, masing-masing dengan kerjasama daripada Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal, Bahagian Pendidikan Lanjutan, Kementerian Pendidikan, usaha pengukuhan akidah melalui pelbagai

program keagamaan dan spiritual seperti program Hafazan Al-Quran, Qiamullail, pelajaran agama dan lain-lain aktiviti keagamaan juga telah diperkenalkan.

11. Bagaimanapun, kita juga menyedari bahawa kejayaan program pemulihan yang dijalani oleh penghuni-penghuni tidaklah akan dapat dicapai sepenuhnya dan bertahan lama jika tidak ada sokongan dan kerjasama dari pihak masyarakat umum. Oleh kerana itu, penglibatan dan penyertaan dari semua peringkat masyarakat samada pihak

sektor swasta, pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan, termasuk ahli-ahli keluarga adalah berperanan penting dan bertanggungjawab dalam sama-sama menjayakan program pemulihan ini. Dalam ertikata lain bukan hanya dibebankan sepenuhnya kepada pihak Kerajaan khususnya Jabatan Penjara dan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan.

12. Dengan adanya penglibatan, sokongan, komitmen dan kerjasama yang padu dari segenap lapisan masyarakat itu nanti, insya Allah program-program

pemulihan yang diberikan kepada bekas penghuni akan memperolehi kejayaan yang berkekalan.

13. Adalah suatu yang menggembirakan melalui jualan produk-produk yang dihasilkan oleh penghuni pada tahun lalu telah berjaya mengumpul pendapatan berjumlah lebih \$34,000.00 melalui expo dan tempahan. Produk-produk buatan penghuni ini ternyata mempunyai kualiti yang tinggi yang sentiasa mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari lapisan masyarakat khususnya apabila dijual di

pameran-pameran Expo tempatan. Juga difahamkan beberapa orang bekas penghuni telah berjaya menjalankan perniagaan persendirian.

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian*

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar khusus bagi penyediaan kemudahan dan prasarana untuk perlindungan dan pemulihan penghuni yang lebih sempurna dan



selesa seperti pembinaan Penjara Maraburong Fasa I; Fasa II dan pembinaan projek Penjara Maraburong Fasa III yang mengandungi kemudahan-kemudahan seperti tambahan blok penjara lelaki, bengkel vokasional, surau, blok pentadbiran dan dewan makan yang mana pada masa ini sedang dalam pelaksanaan berfasa dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016 dengan peruntukan berjumlah \$19.475 (sembilan belas juta empat ratus tujuh puluh lima ribu ringgit). Insya Allah Majlis Perletakan

Batu Asas bagi Fasa III Penjara Maraburong ini akan disempenakan di hari yang bersukut baik hari ulangtahun ke 61 ini iaitu selepas Upacara Perbarisan ini nanti.

15. Manakala dari segi perkembangan kakitangan pula, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara juga turut berkembang dan bertambah dari masa ke semasa.

16. Dalam kesempatan ini, sukacita saya menyeru kepada setiap pegawai dan anggota Jabatan Penjara supaya sentiasa

meningkatkan tahap kompetensi, kecekapan, kecergasan dan professionalisme yang setanding dengan standard piawaian jabatan-jabatan pemulihan lain, termasuk penjara-penjara di negara luar.

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian*

17.Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga dimaklumkan bahawa kearah usaha mengekalkan peningkatan mutu perkhidmatan dan komitmen para pegawai yang sentiasa berkesan, Jabatan Penjara juga mengadakan **Anugerah Pekerja Cemerlang (APC)** di peringkat

Jabatan pada setiap tahun. Penyampaian Anugerah Pekerja Cemerlang ini dilakukan di hari Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara demi untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan rasmi kepada warga penjara yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Ini adalah merupakan suatu inisiatif dan amalan yang amat baik untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pegawai-pegawai dan anggota-anggota Jabatan Penjara dalam usaha

mempertingkatkan lagi produktiviti, komitmen, iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang dan juga memberangsang pendedahan serta pendekatan kepada pembelajaran sepanjang hayat bagi pegawai-pegawai dan anggotanya.

18. Di kesempatan ini, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri amat menghargai dan mengalu-alukan usaha Jabatan Penjara untuk sentiasa merancang program dan aktiviti bagi perkembangan organisasi kepenjaraan

demikian mencapai visinya sebagai sebuah institusi pemulihan yang cemerlang. Insya Allah, jika semua pegawai dan kakitangan penjara serta pihak-pihak berkepentingan bekerjasama dengan semangat yang jitu lagi ikhlas, saya yakin Jabatan Penjara dapat mencapai visi dan misinya, khususnya dalam mengurangkan kadar kemasukan penghuni berulang kali ke penjara (residivis).

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian*

19. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk

menyampaikan peringatan ulangan yang berterusan kepada seluruh anggota pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara supaya tidak melibatkan diri dengan gejala-gejala sosial yang tidak sihat dan diingini dan apa jua kesalahan-kesalahan jenayah yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan negara, etika kerja dan tatatertib perkhidmatan awam dengannya maruah, kerjaya, nama baik diri dan keluarga serta imej dan martabat Jabatan Penjara akan terus terpelihara dari tercemar.

20. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Awang Haji Ismail bin Haji Murat, Pemangku Pengarah Penjara; Ahli-ahli Jawatankuasa dan seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara kerana telah mengundang saya di hari bersejarah dan istimewa ini. Marilah kita sama berdoa agar Institusi Penjara akan terus maju jaya, niat dan hasrat murni Jabatan Penjara akan sentiasa tercapai dan mendapat rahmat dan redha dari Allah Subhanahu Wata'ala



dan kita semua juga mendapat ganjaran setimpal dariNya.

Amin Ya Rabbal 'Alamiin

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته